

02 JUN 1999

Zainal-Pelantikan

PELANTIKAN ZAINAL KEJAYAAN BUAT PENEROKA

KUANTAN, 2 Jun (Bernama) -- Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Jengka Datuk Zainal Hassan yang hari ini dilantik Exco kerajaan negeri Pahang menyifatkan pelantikan itu sebagai satu kejayaan bagi masyarakat peneroka.

Zainal, 54, yang menjadi peneroka di Rancangan Felda Sungai Nerek, Maran pada 1974 sehingga kini, berkata beliau tidak menjangka akan dilantik ke jawatan itu kerana menyedari kelayakan akademiknya yang tidak seperti rakan-rakan Exco yang lain.

"Tidak ada satu perkara yang mustahil jika kita bekerja bersungguh-sungguh dan meletakkan kepentingan kerja di atas segala kepentingan yang lain," katanya kepada pemberita di Wisma Sri Pahang di sini.

Beliau berterima kasih di atas kepercayaan Sultan Pahang, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Besar Datuk Adnan Yaakob dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Pahang Tan Sri Khalil Yaakob terhadapnya.

Zainal adalah muka baru tunggal yang dilantik di dalam barisan Exco kerajaan negeri yang diumumkan Adnan hari ini. Kesemua barisan anggota Exco kerajaan negeri yang lalu dikekalkan.

Zainal akan mempengerusikan Jawatankuasa Perpaduan dan Tugas-tugas Khas, satu portfolio baru yang diwujudkan bertujuan mengeratkan perpaduan di kalangan semua kaum, ahli politik, pentadbiran, sektor swasta dan rakyat di peringkat akar umbi.

Zainal aktif dalam politik sejak 1964 ketika berusia 20 tahun. Beliau pernah bertugas sebagai kerani di pejabat UMNO Bahagian Temerloh dan kemudian sebagai pegawai Penerangan Seranta di Chenor dan kemudian di Temerloh sehingga 1974.

Beliau melepaskan jawatan itu pada 1974 kerana menyahut cabaran kerajaan menjadi peneroka rancangan tanah Felda.

Zainal memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Jengka pada pilihan raya umum 1982 di atas tiket Barisan Nasional dan menjadi wakil rakyat kawasan itu sehingga kini.

Mengenai tugas barunya, beliau berkata tugas itu amat berat dan beliau akan mencuba seberapa daya yang boleh dengan sokongan rakan-rakan seperjuangan.

Beliau berkahwin dengan Datin Siti Normah Bachik dan pasangan itu mempunyai enam orang anak. -- BERNAMA

SHS AKD